

## **Mipas Pertikai Pelantikan Nallakaruppan Sebagai Senator mStar Online**

**November 02, 2011**

**Oleh NURUL AIN MOHD HUSSAIN**

**PETALING JAYA:** Persatuan Progresif India Malaysia (Mipas), sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) kaum India, pada Rabu mempersoalkan pelantikan Datuk K S Nallakaruppan sebagai senator.

Pada Rabu, Nallakaruppan yang juga Pengasas dan Presiden Parti Bersatu India Malaysia (MIUP) mengangkat sumpah sebagai anggota Dewan Negara yang baru.

MIUP yang ditubuhkan selepas Nallakaruppan, bekas rakan sukan tenis Datuk Seri Anwar Ibrahim, keluar Parti Keadilan Rakyat (PKR) dan menyatakan sokongan kepada Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum 2008.

“Mipas ingin mempersoalkan adakah ia satu majlis yang harus di banggakan?”

“Nalla menubuhkan Parti Bersatu India Malaysia setelah keluar PKR, malangnya MIUP tidak menyertai pilihan raya umum ke-12, ia hanya menumpukan kepada kerja-kerja dalaman parti sahaja,” kata Setiausaha Agung Mipas S Barathidasan dalam satu kenyataan pada Rabu.

Beliau berkata, MIUP juga bukan sebuah parti majoriti yang mewakili masyarakat India.

“Mipas ingin bertanya apakah sumbangan Nalla untuk masyarakat India dan negara? Pernahkah beliau membawa apa-apa perubahan dari segi ekonomi, sosial dan politik?”

“Bagi Mipas, Nalla hanyalah merupakan bekas ‘rakan tenis’ Datuk Seri Anwar Ibrahim, adakah untuk itu beliau di lantik sebagai senator?” katanya.

Nallakaruppan, 65, merupakan antara bekas pemimpin PKR sebelum beliau meninggalkan parti itu beberapa tahun selepas penubuhannya.

Sebelum ini, bekas ketua Angkatan Muda Keadilan (AMK) Ezam Mohd Nor dilantik sebagai anggota Dewan Negara.

Kedua-duanya pernah dilabel sebagai antara orang kuat Anwar.

Hakcipta Terpelihara © 1995-2011 Star Publications (Malaysia) Bhd

Source:

[http://mstar.com.my/berita/cerita.asp?file=/2011/11/2/mstar\\_berita/20111102113657&sec=mstar\\_berita](http://mstar.com.my/berita/cerita.asp?file=/2011/11/2/mstar_berita/20111102113657&sec=mstar_berita)